



SKIM PILIHAN PELABURAN AHLI

TUJUAN

- Skim ini membolehkan ahli memindahkan sebahagian simpanan Akaun 1 untuk membuat pelaburan bagi menambah dan meningkatkan simpanan persaraan untuk menyara kehidupan semasa persaraan.
- Ahli boleh melaburkan simpanan tidak melebihi 20% daripada jumlah yang melebihi **Simpanan Asas** dalam Akaun 1 melalui Institusi Pengurusan Dana (IPD) yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

SIMPANAN ASAS

Simpanan Asas adalah satu jumlah simpanan dalam Akaun 1 yang ditetapkan mengikut umur bagi membolehkan ahli memperoleh simpanan minimum sekurang-kurangnya RM196,800 ketika berumur 55 tahun dan simpanan ini tidak boleh dikeluarkan sebelum ahli mencapai umur 55 tahun. Simpanan Asas ini adalah jumlah minimum yang perlu ada bagi seseorang ahli apabila bersara iaitu bersamaan RM820 sebulan selama 20 tahun untuk membiayai keperluan asas persaraan.

Jadual Simpanan Asas adalah seperti berikut :-

UMUR (TAHUN)	SIMPANAN ASAS (RM)	UMUR (TAHUN)	SIMPANAN ASAS (RM)
18	1,000	37	54,000
19	2,000	38	59,000
20	4,000	39	64,000
21	5,000	40	69,000
22	7,000	41	76,000
23	9,000	42	81,000
24	11,000	43	88,000
25	13,000	44	95,000
26	15,000	45	102,000
27	18,000	46	109,000
28	21,000	47	117,000
29	24,000	48	125,000
30	27,000	49	134,000
31	30,000	50	143,000
32	34,000	51	153,000
33	37,000	52	163,000
34	41,000	53	174,000
35	46,000	54	185,000
36	50,000	55	196,800

KELAYAKAN MEMOHON

- (i) Warganegara Malaysia; **ATAU**
- (ii) Bukan warganegara Malaysia yang ;
 - Menjadi ahli sebelum 1 Ogos 1998; **ATAU**
 - Mendapat taraf Penduduk Tetap (PR)
- Ahli belum mencapai umur 55 tahun pada tarikh permohonan diterima oleh KWSP; **DAN**
- Ahli mempunyai simpanan Akaun 1 yang melebihi jumlah **simpanan asas** sekurang-kurangnya sebanyak RM5,000.00

SYARAT-SYARAT PEMINDAHAN PELABURAN

IPD Yang Dibenarkan

- Semua pelaburan yang dibuat hendaklah melalui IPD yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Untuk mendapatkan senarai terkini IPD yang diluluskan, sila rujuk Senarai Institusi Pengurusan Dana terkini yang boleh diperolehi di mana-mana cawangan KWSP yang berhampiran atau dengan melayari laman web KWSP di www.kwsp.gov.my.

Kekerapan Pelaburan

- Pelaburan boleh dibuat setiap tiga bulan selepas tarikh pelaburan sebelumnya, tertakluk kepada baki yang ditetapkan di dalam Akaun 1.
- Pelaburan seterusnya boleh dibuat dengan IPD yang sama atau IPD lain yang diluluskan. Pelaburan dibenarkan dengan satu IPD pada satu masa.

Pelaburan Secara Terus

- Pelaburan secara terus adalah tidak dibenarkan. Semua pelaburan hendaklah dibuat melalui IPD yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Penambahan Pelaburan Menggunakan Wang Sendiri

- Ahli tidak dibenarkan membuat pelaburan tambahan menggunakan wang sendiri.

Tanggungjawab Risiko Pelaburan

- Ahli bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pelaburan ini. Ini bermakna jika berlaku kerugian, KWSP tidak akan bertanggungjawab.

Pengembalian Wang Pelaburan Kepada KWSP

- Ahli hendaklah mengembalikkan semua amaun yang dilaburkan (termasuk keuntungan) kepada KWSP sebaik sahaja amaun pelaburan tersebut dijual. Amaun yang dikembalikan akan dikreditkan semula ke Akaun 1.
- Ahli tidak boleh mengeluarkan apa-apa amaun ('no leakages') daripada jumlah yang dilaburkan di IPD.

Dividen Tahunan KWSP Atas Amaun Yang Dilaburkan

- Ahli tidak akan memperoleh sebarang dividen yang diisytiharkan oleh KWSP ke atas amaun yang dilaburkan kerana simpanan ini tidak dilaburkan oleh KWSP.

Jika IPD Yang Terpilih Terkeluar Daripada Senarai IPD

- Pelaburan ahli dengan IPD ini perlu dijual dan dikembalikan kepada KWSP oleh IPD berkenaan.

Bayaran Perkhidmatan

- Tiada bayaran perkhidmatan dikenakan oleh KWSP.

Pelepasan Kawalan Ke Atas Pelaburan

- KWSP akan melepaskan kawalan ke atas pelaburan ahli di IPD apabila ahli mencapai umur 55 tahun atau mengeluarkan semua simpanan ahli di bawah Pengeluaran Meninggalkan Negara, Pengeluaran Hilang Upaya, Pengeluaran Pekerja Berpencen dan Pengeluaran Kematian.
- Tuntutan atau urusan penjualan semula ke atas amaun yang dilaburkan adalah di antara ahli / waris dengan pihak IPD.

Penamaan

- Amaun yang dipindahkan kepada IPD tidak tertakluk kepada penamaan yang dibuat oleh ahli di KWSP. Bagi ahli yang meninggal dunia, amaun yang dilaburkan akan dilepaskan kawalannya oleh KWSP. Bayaran kepada waris ahli akan dibuat oleh IPD mengikut undang-undang yang berkenaan.

AMAUN YANG LAYAK DILABURKAN

Ahli boleh memindahkan amaun simpanan sepertimana berikut :-

- 20% daripada jumlah simpanan yang melebihi Simpanan Asas dalam Akaun 1
- Jumlah minimum amaun pelaburan adalah RM1,000.00
- Jumlah maksimum tidak melebihi 20% daripada jumlah simpanan yang melebihi Simpanan Asas
- Formula : (Akaun 1 – Simpanan Asas) x 20%

SENARAI DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

DOKUMEN UTAMA

- i) Borang Permohonan KWSP 9N (AHL)

Borang KWSP 9N (AHL) boleh diperolehi daripada IPD yang dipilih oleh ahli untuk tujuan pelaburan.

- ii) **Kad Pengenalan Diri**

Mykad / Kad Pengenalan Tentera / Kad Pengenalan Permastautin Tetap (MyPR);

ATAU

Kad Pengenalan Polis **DAN** Surat Pengesahan Majikan menyatakan no. Polis dan no. Kad Pengenalan Diri merujuk kepada orang yang sama (jika tidak memiliki MyKad/ Kad Pengenalan Polis yang tidak tertera no. Kad Pengenalan Diri);

ATAU

Pasport. Jika ahli bukan warganegara Malaysia yang menjadi ahli KWSP sebelum 1 Ogos 1998.

NOTA :

- Salinan kad pengenalan tidak perlu sekiranya ahli adalah pemegang MyKad dan Pengecaman Cap Ibu Jari ahli dengan Pengkalan Data KWSP atau Bacaan MyKad adalah padan.
- Ahli yang tidak memiliki MyKad dan/atau permohonan melalui pos/ wakil masih perlu mengemukakan salinan dokumen pengenalan diri masing-masing

KWSP berhak meminta apa-apa dokumen tambahan sekiranya diperlukan dan menolak mana-mana permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat yang ditetapkan.

PERHATIAN DAN MAKLUMAN KEPADA PEMOHON

- Ahli dinasihatkan menyemak baki simpanan Akaun 1 dan kelayakan pelaburan terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan serta **melengkapkan satu borang permohonan sahaja** bagi setiap pelaburan yang dibuat.
- Sekiranya maklumat ahli dalam rekod KWSP tidak lengkap atau tidak sepadan, ahli akan dihubungi oleh IPD untuk berurusan dengan KWSP bagi melengkapkan Borang Permohonan Pendaftaran Ahli dan Pindaan Maklumat (KWSP 3).
- Pemindahan amaun pelaburan ini adalah tanggungjawab ahli dan pembatalan selepas kelulusan adalah tidak dibenarkan.

KAEDAH BAYARAN

KWSP akan memindahkan amaun pelaburan yang dipohon daripada simpanan ahli secara terus kepada IPD berkenaan dalam tempoh 21 hari dari tarikh permohonan yang lengkap diterima di KWSP.

CARA PERMOHONAN DIHANTAR

- Permohonan perlu dihantar melalui mana-mana IPD yang dipilih dengan mengemukakan dokumen yang ditetapkan.
- Pihak IPD akan mengemukakan permohonan ahli kepada KWSP untuk diproses.

PERTANYAAN

Jika ahli mempunyai kemusykilan atau memerlukan maklumat lanjut mengenai skim pilihan pelaburan ini, sila hubungi :-

- Mana-mana cawangan KWSP yang berhampiran
- Pusat Pengurusan Panggilan KWSP. Tel: **03-8922 6000**
- Maklumbalas Pelanggan, <http://enquiry.kwsp.gov.my>

Sila nyatakan nombor KWSP atau nombor Kad Pengenalan ahli dan jenis pengeluaran yang dipohon apabila berurusan dengan KWSP. Ahli juga boleh melayari laman web KWSP di alamat www.kwsp.gov.my bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai jenis pengeluaran KWSP dan panduan umum kepada ahli.

Anda Keutamaan Kami

Tarikh Kemaskini : Januari 2014